

Proton tak boleh dibiarkan terus rugi

B.H 6/6/07 M/S 8

Rakan kongsi tempatan mampu tingkat daya saing pengeluar kereta nasional



Aspirasi

Bersama

Radzi Latif

E-mel: radzilatif@yahoo.com

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang menegaskan kerajaan tidak akan membiarkan Proton terlepas ke tangan pelabur luar. Disebabkan kerajaan mempunyai dasar dan pendirian berhubung Proton, siapa juga bakal rakan usaha sama strategik dan teknikal, harus menerima hakikat itu.

Apa yang penting, individu atau syarikat yang akan bergabung dengan Proton nanti, mestilah berfikiran selaras dengan hasrat dan kedudukan syarikat dan kerajaan.

Salah satu syarikat yang disebut-sebut berpotensi menjadi rakan kongsi Proton ialah Kumpulan Naza yang diterajui Ketua Eksekutifnya, Tan Sri SM Nasimuddin SM Amin, yang sudah pun menyatakan kesanggupan membeli sebarang jumlah saham dalam Proton Holdings Bhd.

Rekod perniagaan menunjukkan Kumpulan Naza sehingga kini menjual lebih 40,000 unit kenderaan, mempunyai 84 vendor, 98 cawangan jualan dan 71 pusat servis di seluruh negara, selain menawarkan lebih 12,000 peluang pekerjaan. Ia juga mengembangkan sayap ke peringkat global termasuk di India. Ini sekadar menunjukkan bahawa Kumpulan Naza sudah pun bertapak luas dalam industri automotif di negara ini. Sebagai salah sebuah syarikat automotif utama tempatan, Kumpulan Naza memiliki pelbagai kemudahan sokongan seperti kilang pemasangan kereta serba moden di Gurun, Kedah; Akademi Naza Kia iaitu antara terbaik di dunia yang menyediakan latihan operasi dan pe-

Penganalisis industri permotoran menganggap Malaysia adalah 'pemain' yang dianggap berpotensi untuk melakukan tugas ini sekiranya Proton dapat menjalin perkongsian dengan syarikat automotif yang sudah mempunyai kedudukan mantap di pasaran tempatan dan global.

Dengan gabungan infrastruktur perniagaan membabitkan kapasiti dan kemampuan akan menyebabkan syarikat itu terus maju dan berdaya saing. Dengan cara ini juga akan mengeluarkan Proton daripada kemelut kewangannya memandangkan ia akan mempercepatkan pertumbuhan perolehan termasuk kewangan dan sokongan.

Proton sudah pun mempunyai kemampuan hasil kerjasama dengan Lotus, kemajuan bidang kejuruteraan dan berkaitan dengannya, boleh menjadi daya tarikan utama. Gabungan ini juga akan membolehkan gabungan kepakaran, teknologi, pengalaman dan sebagainya untuk menjadikan syarikat gabungan ini sebagai antara syarikat automotif terbesar di rantau ini.

Disebabkan Proton mencapai kejayaan kemuncak pada pertengahan 1990-an dan kini prestasi perniagaannya memerlukan sokongan luar. Malangnya, perundingan dengan pihak luar setakat ini menuju jalan buntu. Volkswagen AG (VW) tidak berminat, terutama dari segi penyertaan ekuiti untuk bergabung dengan Proton.

Sebelum itu, beberapa syarikat lain seperti General Motors dan PSA Peugeot Citroen menarik diri daripada rundingan dengan Proton.

akan menjadi pemain serantau yang besar, seterusnya menstabilkan kedudukan Proton dan tidak lagi bergantung semata-mata kepada pasaran tempatan.

Ini adalah realiti pasaran yang wujud hari ini dan akan datang. Ramai yang sudah mula meramalkan bahawa gabungan dua pemain industri automotif ini, dengan pembabitan ekuiti dan pelaburan awam, sokongan perbankan dan pengambilalihan kapasiti akan menjadikan syarikat yang digabungkan itu sebagai pemangkin dan mempercepatkan pengambilalihan strategik serta usaha sama lain di rantau ini membabitkan India, China, Indonesia selain pasaran negara Islam. Usaha ini akan memperkukuhkan nilai pemegang saham dalam gabungan ini.

Kumpulan Naza bersikap terbuka untuk mengatasi kemelut yang dihadapi Proton dan sedia membeli sebarang jumlah kepentingan dalam Proton. Jika 30 peratus ditawarkan, Kumpulan Naza bersedia menerimanya dan jika 22 peratus, Kumpulan Naza tidak akan menolaknya.

Begitu juga dengan sebuah lagi syarikat tempatan DRB-Hicom yang telahpun menawarkan untuk membeli 32.9 peratus saham kerajaan dalam Proton, dalam usaha memastikan kepentingan dalam pengeluar kereta nasional itu kekal di tangan syarikat tempatan.

Jika merujuk kepada kenyataan Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, semua cadangan sedang diteliti dan rakan strategi Proton akan diumumkan.

PROTON Holdings Berhad mencatat kerugian RM619.9 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Mac lalu atas alasan persekitaran operasi yang mencahar. Dalam tempoh itu juga jualan kereta Proton jatuh kepada 110,358 unit, berbanding 183,824 unit pada tahun kewangan sebelumnya iaitu menurun 40 peratus.

Pendapatan Proton jelas menunjukkan kejatuhan daripada RM7.79 bilion pada tahun kewangan lalu kepada RM4.92 bilion tahun ini. Kemerosotan hasil Proton sudah diramal kerana jualan yang tidak menggalakkan berikutan persaingan pasaran automotif tempatan yang semakin sengit di samping penurunan nilai kereta terpakai serta langkah bank mengenakan syarat pinjaman kereta yang lebih ketat.

Apa pun alasannya, masalah kewangan yang dihadapi Proton memerlukan penyelesaian segera kerana ia membabitkan soal maruah negara, jauh lebih besar daripada persoalan untung-rugi dalam perniagaan. Kembali kepada asas penubuhannya, Proton perlu bangkit dan menjadi pesaing utama dalam industri automotif di negara ini, malah serantau dan global.

Kegagalan meneruskan persaingan me-

nyebabkan Proton patah sayap. Atas dasar ini, Proton tidak boleh dibenarkan gulung tikar atas apa alasan sekali pun. Jalan penyelesaian perlu dicari untuk memulihkan kedudukan kewangan syarikat itu daripada rugi kepada untung atau dalam istilah perniagaan daripada 'merah' kepada 'hitam'. Ini bermakna untuk meletakkan Proton di atas landasan betul, ia perlu dilakukan serta-merta dan dengan keberanian.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sudah pun mengarahkan supaya Proton Holdings Bhd melakukan apa saja yang diperlukan, termasuk menukar pengurusan atasan bagi memulihkan kedudukan kewangannya.

Beliau tidak mahu pengeluar kereta nasional itu terus menanggung kerugian besar. Atas dasar itu, Perdana Menteri memberi kebebasan kepada pengurusan Proton untuk melakukan apa saja yang difikirkan perlu, asalkan kedudukan kewangan syarikat dapat dipulihkan, seterusnya operasi syarikat berjalan lancar.

Ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan

ngurusan berkaitan industri automotif serta Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang antara lain menawarkan khidmat kejuruteraan reka bentuk kenderaan.

Seandainya, Proton dan Kumpulan Naza dapat digabungkan, ia akan menjadi satu entiti yang mantap. Gabungan ini boleh memulakan langkah baru Proton-Naza ke pasaran serantau dan global.

Dengan pelaksanaan Kawasan Bebas Perdagangan Asean (Afta), ia memberi rasional kukuh bahawa Proton-Naza perlu memulakan langkah sebagai pemain terkemuka serantau. Buat masa ini syarikat automotif asing gagal mengambil kesempatan prospek pertumbuhan serantau.

Beberapa negara lain termasuk Thailand dan Indonesia masih belum bersedia untuk menjadi pemain serantau atas beberapa alasan tersendiri termasuk kemampuan untuk memenuhi permintaan tempatan. Terpulanglah kepada Malaysia untuk mengambil peluang ini sekiranya ia mahu menjadi negara pengeluar kereta terkemuka di rantau ini.

Berbekalkan semangat 'Malaysia Boleh', masanya sudah tiba untuk membuktikan kepada pelabur luar bahawa syarikat tempatan juga sama hebat dan sudah ada keupayaan meningkatkan daya saing Proton.

Sudah sampai masanya syarikat tempatan seperti Kumpulan Naza atau DRB-Hicom diberi layanan utama atau apa yang dikatakan *first right of refusal* untuk menjalin usaha sama serta melabur di dalam Proton. Kumpulan Naza bukanlah sebuah syarikat jaguh kampung. Ini terbukti apabila syarikat Kia dari Korea dan Peugeot dari Perancis berkeyakinan menjadi rakan usaha samanya.

Kumpulan Naza juga membuktikan kemampuan menguasai pasaran tempatan bermula dengan mengimport dan kini bertindak sebagai pengeluar dan memasang kenderaan menerusi pelaburannya di kilangnya di Gurun. Ia turut mengeksport model yang dipasangnya ke beberapa negara luar.

Ramai yang melihat, Proton dan Naza, menerusi operasi yang digabungkan nanti,

tidak lama lagi. Rakyat kini berteka-teki apakah kerajaan akan bertegas dan mengumumkan bahawa pintu perundingan dengan syarikat asing sebagai rakan kongsi Proton sudah ditutup dan kini kerajaan sedang mengutamakan syarikat automotif tempatan untuk dipilih sebagai rakan kongsi Proton.

Sesungguhnya semangat Malaysia Boleh akan memperlihatkan munculnya gandingan Proton dengan Naza atau DRB-Hicom sebagai syarikat automotif yang berdaya saing.

Kita wajar menghantar isyarat jelas bahawa kemajuan Kemerdekaan 50 tahun yang kita capai juga mencakupi kemerdekaan minda yang tidak lagi bergantung harap kepada teknologi dan kuasa pasaran syarikat asing yang semakin tewas dengan kebangkitan ekonomi Asia yang diterajui China dan India.

Datuk Dr Mohd Radzi Abdul Latif
adalah Presiden Yayasan Kajian dan
Strategi Melayu (YKSM)